

CNS6733

U GB 25-05 00235 BH940

bah

Mahathir-Korea

PELABUR KOREA DIMINTA CEBURI SEKTOR PEKILANGAN DI MALAYSIA

Daripada Azman Ujang

I

SEOUL, 25 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap usahawan Korea Selatan meluaskan pelaburan mereka di Malaysia dan tidak hanya mengejar kontrak besar.

"Pada masa ini, penyertaan Korea kebanyakannya tertumpu dalam industri binaan. Mereka mahukan kontrak pembinaan dan telahpun mempunyai beberapa kontrak besar," kata Perdana Menteri pada persidangan akhbar di sini di akhir lawatan tidak rasminya selama dua hari.

Katanya pelaburan Korea Selatan dalam sektor pembuatan di Malaysia masih kecil walaupun syarikat-syarikat dari negara itu telah membina projek besar seperti Jambatan Pulau Pinang dan Menara Maybank.

"Sektor pembuatan adalah satu bidang yang harus diceburi oleh pelabur Korea kerana Malaysia masih mempunyai tenaga kerja yang produktif dengan kos yang rendah. Oleh kerana kos di Korea telah meningkat, mereka boleh mencontohi apa yang dilakukan oleh pelabur Jepun dengan memindah ke Malaysia industri yang memerlukan banyak tenaga buruh atau yang sebahagian daripada operasinya memerlukan tenaga buruh," kata beliau.

Malah, kata Dr Mahathir, dalam perbincangannya dengan tokoh sektor swasta di sini dalam masa dua hari lepas, wakil-wakil syarikat pembinaan memberitahunya tentang rancangan mereka untuk mendapatkan lebih banyak projek binaan di Malaysia, termasuk bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang baru di Sepang dan kemudahan pelabuhan yang dirancangkan di Port Dickson oleh kerajaan Negeri Sembilan. -- Lagi

AU MIB

▼25/05/14-43MST

U GB 25-05 00140 BH942

bah

Mahathir-Korea 2 Seoul

Perdana Menteri berkata beliau memberitahu syarikat-syarikat Korea itu bahawa mereka perlu mengadakan usahasama dengan rakan kongsi di Malaysia jika inginkan penyertaan lebih besar dalam sektor binaan.

"Mereka perlu juga mengkaji kemungkinan bekerjasama dengan syarikat Malaysia di negara ketiga," kata Dr Mahathir, yang semalam berucap di hadapan tokoh-tokoh korporat dan pegawai tertinggi kerajaan dari rantau ini pada forum anjuran Majlis Ekonomi Lembaga Pasifik di sini.

Beliau berkata pelabur Korea berpeluang mendapatkan kontrak projek binaan jika terdapat lebih banyak pelaburan dari negara itu dalam industri di Malaysia.

"Inilah yang berlaku terhadap syarikat pembinaan Jepun," katanya.

Tetapi, menurut Dr Mahathir, kontrak binaan di Malaysia diberi berdasarkan kepada tawaran terbaik sementara usahasama akan menentukan bahawa apa yang pelabur Korea dapat, syarikat Malaysia akan turut menikmati faedahnya. -- Lagi

▼25/05/15-21MST

U GB 25-05 00129 BH945

bah

Mahathir-Korea 3 Seoul

Dr Mahathir berkata syarikat-syarikat Korea juga berminat dalam beberapa bidang lain seperti industri motor dan menubuhkan kilang simen di Negeri Sembilan.

Syarikat Korea telahpun menubuhkan dua kilang simen di Malaysia -- Hanjoong di Perak, dan Langkawi Cement.

Ketika ditanya mengenai kurangnya pelaburan Korea dalam industri lain di Malaysia, beliau berkata ini disebabkan oleh pendekatan pelaburan sebelum ini yang tertumpu dalam negeri yang menawarkan banyak peluang.

"Tetapi kini sudah tiba masanya bagi mereka berkembang dan mereka mahu melabur di luar Korea," katanya.

Ketika ditanya mengenai hubungan perdagangan, Dr Mahathir berkata walaupun ia kini menguntungkan Malaysia, syarikat-syarikat Malaysia perlu mengeksport lebih banyak barangan pembuatan ke Korea manakala Malaysia boleh mendapatkan pelbagai peralatan mesin. -- Lagi

▼25/05/16-24MST

U GB 25-05 00116 BH946

bah

Mahathir-Korea 4 Seoul

Semalam Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan Presiden Filipina Fidel Ramos, yang turut berucap pada forum itu.

Perdana Menteri berkata mereka membincangkan isu dua hala sebagai susulan daripada pertemuan mereka di Kuala Lumpur Januari lepas.

"Presiden Ramos gembira mendapati syarikat Malaysia berminat melabur di Filipina, khususnya di kawasan Teluk Subic, dan di bidang penjanaan kuasa," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau memberitahu Ramos bahawa kerajaan akan memberi sokongan kepada syarikat Malaysia yang mahu melabur di Filipina.

"Syarikat-syarikat Malaysia kini melabur di luar negeri bagi membantu membangunkan negara asing seperti juga Malaysia mendapat manfaat daripada pelaburan asing," katanya. -- Bernama

AU MIB